



KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
(Director General of Skills Development)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
(Department of Skills Development)
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 – 8886 5000
Faks : 03 – 8889 2423
Email: jpk@mohr.gov.my
Laman Web: www.dsd.gov.my

Ruj. Kami : JPK 800-3/1 Jld.3 (73)

Tarikh : 11 Jun 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Ts. / Tuan / Puan,

KEBENARAN ARAHAN PERGERAKAN BERTUGAS SEMASA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI PUSAT BERTAULIAH (PB) AWAM DAN SWASTA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Ts. / Tuan / Puan sedia maklum YAB. Perdana Menteri dalam kenyataan media pada 28 Mei 2021 telah memaklumkan **penutupan sepenuhnya sektor sosial dan ekonomi** ataupun **'total lockdown' Fasa Pertama seluruh Negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021 dan termasuk tempoh perlanjutan (jika ada)**. Sepanjang tempoh ini, **semua sektor tidak dibenarkan untuk beroperasi** kecuali sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu (*essential economic and service sector*) yang disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Selaras dengan arahan tersebut, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menetapkan agar **semua pengoperasian di PB Awam dan Swasta melaksanakan kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR)** sepenuhnya. Sehubungan itu, semua

pengurusan pentadbiran di PB Awam dan Swasta harus memastikan perkara-perkara berikut :

- a) Semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
- b) Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan; dan
- c) Perkhidmatan kaunter ditutup dan segala urusan adalah melalui perkhidmatan atas talian.

4. Namun begitu, **kehadiran ke pejabat** hanya perlu dibenarkan bagi proses kerja yang tidak dilaksanakan secara BDR, tetapi dengan syarat **tidak melebihi 20% keberadaan staf** pada satu-satu masa dan kehadiran ke pejabat perlu **disertai** dengan **Borang Kebenaran Bertugas** (Rujuk Lampiran Borang) yang dikeluarkan oleh **Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM)** dan **Surat Arahan Majikan**. Tujuan kehadiran ke pejabat adalah dibenarkan bagi melaksanakan aktiviti berikut;

- a) Pengurusan kewangan;
- b) Penyelenggaraan dan keselamatan;
- c) Pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem/ persediaan teknikal mesyuarat;
- d) Penyampaian latihan hanya melalui kaedah demonstrasi (tunjuk cara) secara dalam talian;
- e) Persediaan dan pengurusan penilaian akhir secara dalam talian; dan
- f) Pengurusan kebajikan pelatih yang masih berada di asrama.

5. Pengoperasian PB Awam dan Swasta hendaklah merujuk dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. JPK, KSM ingin menegaskan bahawa tindakan boleh diambil sekiranya pihak PB Awam dan Swasta mengingkari arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen berkaitan untuk rujukan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Ts. / Tuan / Puan.

6. JPK, KSM amat berharap agar semua PB Awam dan Swasta memberi perhatian khusus terhadap arahan ini bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan jelas kepada pelatih dan semua warga PB Awam dan Swasta. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Ts. / Tuan / Puan berhubung perkara ini amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. HAJI ZAIHAN BIN SHUKRI)

s.k.

YB. Menteri Sumber Manusia

YB. Timbalan Menteri Sumber Manusia

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Sumber Manusia

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa)
Kementerian Sumber Manusia

SENARAI EDARAN

Pengurus
Pusat Bertauliah Awam

Pengurus
Pusat Bertauliah Swasta